


[BERITA](#) [SUKAN](#) [DUNIA](#) [HIBURAN](#) [BISNES](#) [RENCANA](#) [WANITA](#) [HUJUNG MINGGU](#) [BH KAPSUL](#) [COVID-19 VAKSIN](#)[OLIMPIK 2020](#)[NASIONAL](#) [KES](#) [POLITIK](#) [PENDIDIKAN](#) [WILAYAH](#)

## 'SPR perlu tetapkan prosedur khas pengundi tidak divaksin'

Mohd Iskandar Ibrahim - Oktober 19, 2021 @ 11:36am

mohd\_iskandar@bh.com.my



Datuk Seri Wan Ahmad Wan Omar

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) disaran melakukan semak silang daftar pemilih Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka dengan data aplikasi MySejahtera bagi mengenal pasti pengundi yang belum divaksin.

Bekas Timbalan Pengerusi SPR, Datuk Seri Wan Ahmad Wan Omar, berkata hanya selepas data terbabit diperoleh, SPR boleh menetapkan prosedur khas bagi membolehkan pengundi yang tidak divaksin menjalankan tanggungjawab mereka.

"Kita harus ingat bahawa Perlembagaan Persekutuan menjamin hak setiap rakyat untuk mengundi, namun tetap ada kebimbangan risiko penularan semula wabak COVID-19. Hak mereka (pengundi tidak divaksin) tidak boleh dinafikan.

"Bagaimanapun, SPR perlu mewujudkan satu prosedur khas untuk golongan ini supaya mereka boleh mengundi pada hari pengundian kelak," katanya kepada BH, hari ini.

Wan Ahmad Omar berkata, menerusi proses semak silang itu juga, SPR boleh mengeluarkan nasihat awal kepada pengundi yang belum divaksin supaya segera mendapatkan imunisasi berkenaan.

Jelasnya, tarikh pengundian PRN Melaka masih panjang dan pengundi boleh segera mendapatkan vaksinasi menerusi kemudahan 'walk-in' disediakan kerajaan.

Ditanya apakah bentuk prosedur yang boleh dilaksanakan untuk golongan pengundi yang belum divaksin, beliau berkata, ia terpulang kepada SPR.

"Apa yang boleh saya katakan ialah SPR boleh melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) sama ketika Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Slim tahun lalu iaitu periksa suhu, pakai pelitup muka dan sebagainya."

"Namun prosedur khas untuk golongan yang tidak divaksin, bergantung kepada SPR," katanya.

Semalam, Pengerusi SPR, Datuk Abdul Ghani Salleh, menegaskan garis panduan pencegahan COVID-19 bagi tujuan PRN Melaka belum dimuktamadkan.

SPR menetapkan 20 November ini sebagai hari pengundian bagi PRN Melaka dengan hari penamaan calon pada 8 November dan tarikh mengundi awal pada 16 November.

Tempoh berkempen pula adalah selama 12 hari bermula selepas pengisytiharan calon sehingga jam 11.59 malam pada 19 November.

DUN Melaka dibubarkan pada 4 Oktober lalu susulan tindakan empat Ahli DUN (ADUN) iaitu Datuk Seri Idris Haron (UMNO-Sungai Udang), Datuk Nor Azman Hassan (UMNO-Pantai Kundor), Datuk Norhizam Hassan Baktee (Bebas-Pengkalan Batu) dan Datuk Noor Effandi Ahmad (BERSATU-Telok Mas) mengumumkan hilang kepercayaan dan menarik sokongan terhadap kepemimpinan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Sulaiman Md Ali.